

Kepentingan Strategik di dalam Keselamatan Negara Malaysia¹

oleh

Kamarulnizam Abdullah dan Mahmud Embong

PENDAHULUAN

Kajian akademik yang mendalam dan menyeluruh berkenaan prospek dan isu-isu keselamatan negara Malaysia masih lagi melalui peringkat perkembangan awalan. Zakaria Haji Ahmad pernah menyentuh tentang perlunya merekabentuk satu pemikiran baru mengenai keselamatan negara di Malaysia yang mana agak berbeza dari zaman semasa Perang Dingin. Dengan terlenturnya ancaman-ancaman Parti Komunis Malaya (CPM) dan berakhirnya Perang Dingin, keselamatan Malaysia perlu dikonsepsualasikan dan dilihat semula. Oleh yang demikian ini, artikel ini ingin melihat semula konsep keselamatan negara Malaysia di era pasca-Perang Dingin di samping menganalisis dan mengenalpasti aspek yang lebih khusus tentang kepentingan strategik Malaysia di dalam konteks keselamatan negara. Di dalam artikel ini juga, tumpuan kajian kami ialah mengenai keselamatan dari kacamata realisma dan neorealisma yang mana meletakkan negara sebagai aktor terpenting politik antarabangsa. Artikel ini akan cuba menjawab beberapa persoalan: Apakah itu kepentingan strategik? Bagaimana ianya dikaitkan dengan konteks keselamatan negara Malaysia? dan dari aspek manakah kita menentukan arus kepentingan tersebut dalam satu-satu masa yang tertentu?

Tetapi sebelum kami menganalisis dengan lebih mendalam persoalan-persoalan yang diajukan, adalah penting kita mengkaji konsep keselamatan negara itu sendiri dan kemudiannya mengaitkan aspek teoritisnya dengan persempadanan konsep keselamatan negara Malaysia.

KESELAMATAN NEGARA: SATU PENDEKATAN TEORITIS

Di dalam menganalisis konsep keselamatan negara, seseorang akan menghadapi beberapa masalah - samada dari segi definisi dan interpretasi maupun dari segi konsep itu sendiri. Ini ialah kerana tidak terdapat pendekatan pendek apakah yang merangkumi konsep keselamatan negara itu sendiri. Dari segi interpretasi seseorang akan berhadapan dengan keanjalan makna dan kekaburan parameter pendefiniasian. Secara amnya keselamatan sering dikaitkan dengan hasrat, tujuan ataupun objektif untuk membebaskan seseorang dari cengkaman ketakutan, cemas, dan bahaya. Wolfers, di dalam buku klasiknya berkenaan keselamatan negara berhujah bahawa keselamatan seseorang dari sudut kefahaman objektifnya merujuk kepada tiadanya perasaan terancam atau diancam di dalam mencapai sesuatu nilai, dan segi kefahaman subjektifnya pula merujuk kepada ketidak wujudan perasaan takut terhadap nilai yang telah dicapai².

Aplikasi konsep keselamatan menjadi kabur apabila kita merujuk kepada keselamatan negara atau keselamatan nasional³. Yang jelas, keselamatan negara adalah jauh berbeza dengan keselamatan individu. Keselamatan, apabila dirujuk kepada sesebuah negara, bukan sahaja bermakna jaminan keselamatan seseorang dari cengkaman ketakutan dan bahaya, tetapi lebih mefokuskan kepada kelangsungan hidup dan integriti sistem politik, ekonomi, dan sosial sesebuah negara. Walau bagaimanapun, perlunya ditekankan di sini bahawa konsep keselamatan negara, walaupun menghadapi kekaburan makna dan interpretasi, merupakan satu konsep yang penting di dalam kajian strategi dan perhubungan antarabangsa. Sejarah wujudnya konsep ini bermula dari Barat atau dengan lebih tepat merupakan konsep yang dipelopori oleh pihak akademik dan pentadbiran di Amerika Syarikat. Oleh itu, tidaklah menghairankan bahawa konsep ini masih lagi di dalam peringkat *developing state* (peringkat perkembangan) di mana perdebatan tentang intipati konsep, sempadannya dan aplikasinya masih lagi hebat dibincangkan.

Waltz melihat keselamatan sebagai matlamat utama di dalam dunia anarki di mana objektif seperti keamanan, keuntungan dan kuasa dapat dicapai

bilamana negara dapat menjamin kelangsungan hidupnya⁴. Trager dan Simonie pergi lebih jauh di dalam menginterpretasikan keselamatan negara. Bagi mereka objektif keselamatan negara ialah bagi mencapai nilai-nilai nasional (*national values*) yang merangkumi sistem politik, sosial dan asas fizikal tertubuhnya sesebuah negara⁵: Nilai-nilai nasional ini termasuklah:

1. Kelangsungan hidup yang memastikan kewujudan berterusan masyarakat dan negara
2. Bahasa (yang juga mungkin budaya masyarakat; tambahan pengarang)
3. Perlindungan pembangunan sosial dan ekonomi
4. Kemerdekaan politik (*political independence*)
5. Integriti sempadan (*territorial integrity*)

Ada sesetengah sarjana, seperti al-Mashat, melihat nilai-nilai di atas sebahagian dari nilai-nilai keutamaan (*core values*) yang perlu di pertahankan⁶.

Oleh yang demikian, kami berpendapat, tiga asas utama keselamatan negara: kedaulatan (*sovereignty*), integriti sempadan (*territorial integrity*) dan kelangsungan hidup sistem politik, sosial, ekonomi dan peradaban sesebuah negara dan masyarakatnya (*political, social, economic and cultural survival*) merupakan nilai utama yang dipertahankan di Malaysia semenjak dan selepas zaman Perang Dingin. Walaupun konsep kedaulatan itu sendiri merupakan satu konsep yang kabur, ianya merujuk kepada kebebasan sesebuah negara menguruskan hal ehwal dalaman dan dasar luarannya tanpa campur tangan luar. Sesebuah negara itu dikatakan berdaulat dan merdeka bila mana ianya berupaya untuk menjalankan peranan dari segi mengwujudkan orde dalaman dan kesediannya berinteraksi di dalam peringkat antarabangsa. Ini termasuklah keupayaannya mempertahankan sempadannya dari dicerobohi oleh anasir luar. Dengan pengwujudan pasukan keselamatan, contohnya seperti tentera dan polis, objektif tersebut boleh dicapai. Di samping itu, sesebuah negara yang merdeka dan berdaulat seharusnya berupaya mempertahankan sistem yang diamalnya dan mempertahankan peradaban atau budaya masyarakatnya dari dicerobohi oleh budaya luar. Tetapi sempadan perdebatan ini mengajak kita kepada satu soalan lumrah samada pengaliran budaya barat kepada negara-negara yang mempertahankan nilai ketimurannya merupakan satu ancaman kepada keselamatan negara. Walaupun begitu, kami berpendapat, diskusi ini perlu dilihat dari aspek yang lebih luas. Persoalannya bukanlah kepada bagaimana

pengaruh budaya barat boleh mempengaruhi budaya tempatan dan seterusnya mengancam keselamatan negara tetapi bagaimana budaya barat tersebut mengancam dan memporak porandakan sistem sosial, politik dan ekonomi sesebuah negara. Di samping itu definasi budaya di sini patut juga diluaskan kepada aspek sosio-budaya dan ideologi-budaya asing (tidak semestinya barat) yang boleh mengancam ketenteraman sesebuah negara.

KESELAMATAN NEGARA MALAYSIA: ANALISIS PERSEMPADANAN KONSEP

Bila membincangkan konsep keselamatan Malaysia, samada melalui aspek teoritis maupun empirik, seseorang harus memahami bahawa takrif dan pendekatan konsep keselamatan negara itu adalah berbeza; dari sebuah negara yang dikategorikan sebagai maju kepada negara yang sedang membangun atau lebih dikenali sebagai negara Dunia Ketiga⁷. Oleh kerana Malaysia dikategorikan sebagai sebahagian dari negara Dunia Ketiga maka analisis masalah keselamatan negaranya adalah berbeza dari analisis terhadap negara-negara maju. Interpretasi keselamatan negara di Dunia Ketiga, menurut Alagappa, Al-Mashat, Ayoob, Azar dan Moon, dan Thomas, lebih kompleks dan saling berhubungkait⁸. Ini ialah kerana seseorang harus juga menilai hubungan kedinamikan keselamatan domestik, serantau dan global di dalam menganalisis keselamatan negara-negara Dunia Ketiga. Sayugia ditekankan bahawa konotasi keselamatan negara selalu dikaitkan dengan idea ketenteraan - pengejalan integrasi sempadan. Malah jika lihat penulisan para sarjana dari Wolfers ke Mangold, perang dan kestabilan keselamatan sesebuah negara dilihat dari aspek ketenteraan⁹. Di Malaysia pun, aspek ini banyak mempengaruhi bidang kajian kita¹⁰.

Apa yang penting ialah takrif keselamatan negara atau keselamatan nasional di negara Dunia Ketiga termasuk Malaysia tidak seharusnya dikaitkan dengan konotasi ketenteraan semata-mata kerana masalah keselamatan Dunia Ketiga merangkumi seluruh dimensi kewujudan negara itu sendiri¹¹. Azar dan Moon berhujah bahawa keterterapan konsep keselamatan negara di negara Dunia Ketiga harus dilihat berbeza dengan negara dunia maju dari segi darjah kepaduan politik dan sifat dan suasana keselamatan itu sendiri¹². Secara amnya, keterterapan politik Dunia Ketiga adalah rapuh. Idea negara selalunya asing bagi penduduk negara tersebut dan yang demikian objektif utama negara Dunia Ketiga termasuk Malaysia ialah pengwujudan proses *nation building* (pembinaan bangsa) agar

negara dan bangsa itu menjadi simbiotik - wujud dalam satu terminus yang sama.

Buzan juga membahagikan keterterapan dan integriti politik Dunia Ketiga kepada dua kategori, lemah dan kuat¹³. Beberapa keadaan didapati di dalam negara yang dikategorikan sebagai lemah, contohnya, terdapat tahap tinggi di dalam penggunaan kekerasan politik, pembangunan semula yang besar di dalam institusi politik, penggunaan meluas kekerasan oleh rejim yang berkuasa, perpecahan yang nyata dan besar dalam di dalam ideologi politik tempatan, kurangnya penampilan identiti kebangsaan dan tahap kawalan terhadap media yang tinggi oleh kerajaan. Manakala di dalam kategori negara kuat, idea negara diperkuatkan lagi dengan kestabilan kerajaan di mana peranannya diterima oleh sebahagian besar rakyat dan yang demikian objektif utama negara ialah untuk mempertahankan kemerdekaan, identiti politiknya, kebudayaannya dan cara hidupnya dari dicerobohi anasir-anasir luar. Dengan kata lain ancaman terhadap keselamatannya datang dari anasir luar. Ini berbeza di negara-negara Dunia Ketiga kerana proses ancaman bukan sahaja datang dari luar tetapi juga dari punca dalaman.

Tetapi persoalan baru timbul. Jika kita mengaitkan ancaman dalaman sebagai sebahagian dari kriteria definasi masalah keselamatan negara, maka kita akan dapati adalah sukar untuk membezakan di antara keselamatan negara dengan keselamatan kerajaan. Kerajaan yang berkuasa mungkin menjustifikasikan tindakannya untuk menggunakan kekerasan terhadap pencabar politiknya. Tetapi jika kita tidak merujuk kepada ancaman dalaman sebagai sebahagian dari interpretasi keselamatan negara, beberapa masalah akan timbul. Ini ialah kerana kelangsungan hidup kerajaan dan nasibnya tidak dapat dipisahkan dari kelangsungan hidup sesebuah negara. Jika kerajaan diancam contohnya oleh pergerakan berhaluan kiri dan tumbang maka tidak dapat tidak ianya berkait rapat dengan ancaman terhadap negara di mana bilamana kerajaan menjadi lemah, ianya boleh menyebabkan anasir luar turut campur tangan. Kes ini dapat dilihat di Afghanistan.

Konsep keselamatan negara boleh dibahagikan kepada dua aspek: kepentingan strategik dan bukan strategik. Aspek bukan strategik selalunya merujuk kepada kepentingan ekonomi manakala kepentingan strategik selalunya dikaitkan dengan intonasi ketenteraan. Walaupun demikian, pelabelan dan pembahagian yang direka oleh sarjana barat sewaktu Perang Dunia Kedua ini menimbulkan kekeliruan kerana di era pasca Perang Dingin ini, aspek ekonomi

telah mula diterima sebagai salah satu aspek terpenting di dalam membincangkan konsep keselamatan negara. Seperti yang kami akan bincangkan mengenai keperluan mempertahankan jaluran sempadan Malaysia, ianya berkait rapat dengan kepentingan negara untuk memantau sistem perkapalan dan perdagangan tenggara Asia.

Persoalan yang timbul sekarang ini ialah apakah takrif sebenar kepentingan strategik? Dari aspek manakah ianya perlu dipertahankan?

Kepentingan strategik, secara amnya, merujuk kepada isu-isu kepentingan hubungan luar yang difikirkan boleh memberi kesan kepada *kelangsungan hidup* dan *keselamatan negara* di mana ianya boleh juga menjemput campur tangan tentera luar. Kami berpendapat bahawa apabila kita merujuk kepada kepentingan strategik sesebuah negara termasuk Malaysia, kita juga merujuk kepada keinginan dan keupayaan sesebuah negara di dalam mempertahankan nilai-nilai utama yang telah kita bincangkan di atas (kedaulatan, integriti sempadan, dan sistem politik, ekonomi, budaya dan sosial). Dua aspek harus ditumpukan di dalam menilai apakah kepentingan strategik sesebuah negara khususnya Malaysia: pertama, tentang persekitaran dalaman dan luaran, danimbangan kuasa serantau yang mencengkam sesebuah negara dan, kedua dari sudut manakah kepentingan strategik itu harus dilihat, dengan kata lain ianya menyentuh persoalan tentang keselamatan siapa (*whose security?*). Dari sudut manakah nilai-nilai strategik tersebut perlu dipertahankan: rakyat? negara? (yang mana konsepnya boleh dipertikaikan), kaum elit? atau kerajaan? Di dalam beberapa kes berkaitan soal keselamatan negara Malaysia, seperti kes membentaras penyimpangan ajaran agama di dalam tahun 1994, objek atau rujukan kepada keselamatan negara itu sendiri agar sukar dikenal pasti. Persoalan yang jelas adakah ancaman penyalahgunaan dan penyalah sebaran ajaran agama itu akan menjejaskan kestabilan masyarakat di mana sistem politik, sosial, dan ekonomi negara turut terancam? Persoalan-persoalan tersebut akan dikupas dengan lebih lanjut di dalam artikel ini.

Kami berpendapat bahawa terdapat tiga aspek utama di dalam kepentingan strategik keselamatan negara Malaysia yang masih lagi menjadi dasar negara dan juga dasarnya di dalam menghadapi alaf baru: 1) kepentingan mempertahankan dan mengekalkan orde dalaman; 2) kepentingan mempertahankan sempadan dan lingkungan dekat, 3) kepentingan mengimbangi kuasa serantau terutamanya China di dalam konteks pemuafakatan ASEAN.

MEMPERTAHANKAN DAN MENGEKALKAN ORDE DALAMAN

Semenjak negara ini mula-mula terbentuk, Malaysia berhadapan dengan masalah untuk menyatu padukan rakyatnya dari berbagai bangsa dan berbilang kaum. Bila mana Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia pada tahun 1963, masalah memelihara ketenteraman awam ini menjadi bertambah kompleks kerana jarak dan keluasan negara semakin bertambah menyebabkan masalah penyelarasan soal-soal keselamatan. Masalah ini berlarutan dan telah dapat kita saksikan bila mana meletusnya rusuhan kaum dalam tahun 1969.

Walaupun kita akan melangkah ke alaf baru aspek keharmonian kaum ini tidak dapat dipandang ringan dan akan menjadi masalah utama keselamatan negara. Di tahun 1990an terdapat insiden-insiden kecil seperti yang berlaku di Pulau Pinang dan jika tidak dapat dibendung dengan segera akan menyebabkan peristiwa 1969 berulang kembali. Aspek keharmonian kaum di Malaysia merupakan satu perkara yang begitu penting kerana jika rusuhan kaum berlaku, maka sistem politik, sosial, dan ekonomi akan terjejas. Tetapi aspek keharmonian kaum ini juga berkait rapat dengan kepimpinan yang efisien di Malaysia. Kepimpinan yang dimaksudkan di sini ialah daya ketertepatan dan ketahanan politik Melayu terutamanya di bawah parti yang terbesar yakni Persekutuan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Apa yang lebih penting ialah keupayaan UMNO menstabilkan politik dalamannya dan menerajui Barisan Nasional untuk menjamin bahawa sistem politik Malaysia secara amnya dan keadaan politik Melayu khasnya dapat dikawal. Tidak dapat dinafikan bahawa kestabilan politik Melayu akan dapat menentukan keharmonian sistem berpolitik antara kaum di negara ini¹⁴. Pergolakan politik Melayu seperti kes pengharaman UMNO di dalam tahun 1987 dan kes pendakwaan Anwar Ibrahim di atas tuduhan rasuah dan salah laku seks di dalam tahun 1998 merupakan iktibar bahawa kestabilan dalaman UMNO boleh memberi kesan kepada sistem sosio-politik negara.

Cara yang dilakukan oleh kerajaan untuk kestabilan keselamatan negara setakat ini ialah dengan memperkenalkan dan meminda beberapa akta yang dilabelkan oleh para pencinta kebebasan bersuara dan media asing sebagai *the draconian laws* seperti Akta Keselamatan Negara (*Internal Security Act*) atau ISA, Akta Rahsia Rasmi (*Official Secret Act*) atau OSA dan Akta Hasutan (*Slander Act*). Yang paling banyak digunakan dan menjadi isu politik dalaman dan luaran ialah ISA. ISA sebenarnya merupakan akta yang diperkenalkan oleh pihak kolonial British untuk membentaras kegiatan komunis yang berleluasa pada

awal tahun 1950an. Walau bagaimanapun kerajaan Malaysia memutuskan untuk mengekalkan akta tersebut selepas merdeka bagi tujuan yang sama. Tetapi penggunaan dan penguatkuasaannya telah diperluaskan. Penahanan bukan sahaja tertumpu kepada komunis dan sekutunya malah pada mereka yang difikirkan oleh kerajaan boleh mengganggu gugat ketenteraman dan keselamatan awam serta negara. Antara mereka yang pernah ditahan termasuklah bekas timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, pemimpin-pemimpin parti pembangkang dari *Democratic Action Party* (DAP) seperti Lim Kit Siang, mendiang P. Patto dan Karpal Singh, dan golongan akademik seperti Chandra Muzaffar. Kerasionalan penahanan mereka adalah untuk memastikan orde dalaman terpelihara dari dicemari oleh sentimen-sentimen yang sensitif. Apa yang jelas kestabilan orde dalaman ini berkait rapat dengan proses keabsahan (*legitimacy*) kerajaan yang diterajui oleh Barisan Nasional. Ini tidak dapat dielakkan kerana menurut Johnson dan Buzan, di negara-negara Selatan (Dunia Ketiga) kestabilan sistem kerajaan juga menentukan juga keselamatan sesebuah negara¹⁵. Kerapuhan sistem sosio-politik merupakan satu liabiliti negara-negara membangun. Ianya menyebabkan negara menjadi huru-hara dan tersungkur menjadi negara yang boleh dilabelkan sebagai negara *pariah*. Ini telah berlaku di kebanyakan negara seperti Rwanda, Demokratik Rakyat Congo, Somalia, Columbia dan Afghanistan.

Aspek kedua yang perlu ditangani di dalam konteks kestabilan orde dalaman ini ialah meneutralkan ancaman-ancaman elemen politik Islam yang menggunakan agama sebagai tunjak perjuangan mereka untuk mendapatkan kuasa secara paksa. Walaupun Malaysia dikecam kerana menggunakan ISA, ianya sedikit sebanyak dapat mencengkam politik radikal ini. Tidak dinafikan juga ISA telah digunakan oleh kerajaan untuk kepentingannya.

Beberapa isu yang telah dimainkan oleh kerajaan di dalam membendung gejala politik Islam yang radikal ini seperti isu-isu Memali, kafir-mengkafir dan pengharaman pertubuhan Islam Al-Arqam. Walaupun demikian aspek terpenting di dalam membendung politik Islam yang radikal ini ialah dengan memastikan bahawa tidak ada orang yang tertentu ataupun pertubuhan ataupun organisasi-organisasi samada dari kerajaan yang memerintah, pihak pembangkang ataupun pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) menggunakan kesempatan retorik Islam untuk kepentingan mereka¹⁶. Hal-hal ini telahpun terbukti boleh mencetuskan masalah keselamatan dan rusuhan yang mana pada sesetengah contoh membabitkan pertempuran berdarah seperti persistiwa Memali dan penyerangan

balai polis Batu Pahat. Bila mana seseorang ataupun organisasi-organisasi mengeluarkan fatwa persendirian untuk kepentingan politik masing-masing, ianya telah mengakibatkan ketenteraman awan di Malaysia terganggu.

Walaupun demikian tidak dapat dinafikan bahawa beberapa isu yang telah dimainkan oleh kerajaan di dalam membendung gejala politik Malaysia yang radikal ini seperti isu Memali, kafir-mengkafir, ajaran sesat, Syiah dan pengharaman pertubuhan Islam Al-Arqam berbau politik¹⁷. Tetapi ianya perlu dilihat dari sudut ancaman bukan sahaja kepada rejim yang memerintah tetapi dari sudut di mana terancamnya sistem politik, ekonomi dan sosial negara dan kewujudan berterusan masyarakat dan budayanya. Isu Syiah misalnya jika tidak dibendung akan boleh menyebabkan perpaduan orang Melayu terancam. Kerajaan terpaksa memastikan bahawa hanya pegangan *Sunnah Waljamaah* sahaja menjadi pegangan utama umat Islam di negara ini. Telah terjadi di negara-negara Islam yang lain seperti Iran, Pakistan dan Bahrain yang mana mempunyai penduduk Syiah dan Sunni yang sama ramainya, pertelingkahan antara umat Islam yang berlainan mazhab ini sering berlaku. Kerajaan tidak mahu perkara ini berlaku di Malaysia. Walaupun bilangan pengikut Syiah Di Malaysia dikatakan masih lagi kecil, pembendungan adalah penting agar fahaman ini tidak merebak secara meluas.

Di Malaysia, oleh yang demikian, pengekaln orde dalaman bukan sahaja menggambarkan ide keselamatan negara malahan juga keselamatan rejim. Kerajaan adalah objek kepada keselamatan itu sendiri. Walaupun interpretasi negara itu merujuk kepada integriti sempadan dan, kerajaan merujuk kepada kuasa yang sah, di dalam konteks Malaysia seperti juga di negara-negara membangun yang lain, ide negara dan kerajaan mempunyai satu interpretasi. Apabila kita menyebut negara, kita juga merujuk kepada kerajaan sesebuah negara. Di negara-negara membangun, kelangsungan hidup sesebuah kerajaan menjamin kewujudan sesebuah negara kerana ianya turut membabitkan persoalan-persoalan ketahanan sosio-politik dan negara sebagai satu identiti. Konsep ini agak berbeza dengan negara-negara yang telah maju di negara-negara maju, kerajaan dan negara adalah satu konsep yang berbeza.

MEMPERTAHANKAN KEPENTINGAN KAWASAN JALURAN SEMPADAN DAN LINGKUNGAN DEKATAN

Di samping mempertahankan orde dalaman, Malaysia juga tidak dapat lari dari faktor pertahanan sempadan¹⁸. Kepentingan kawasan jalur sempadan dan

lingkungan dekatan meliputi tanah, perairan dan ruang udara di Semenanjung, Sabah dan Sarawak (sila lihat Lampiran A). Ianya merupakan kawasan utama (*core area*). Kawasan-kawasan sempadan (selatan Thailand, Brunei dan Kalimantan) merupakan kawasan sensitif sempadan. Jika dahulu kawasan ini merupakan sarang pergerakan komunis, ianya sekarang menjadi tumpuan pendatang haram dan penyeludupan. Begitu juga dengan ruang udara Malaysia di mana keupayaan mempertahankannya merupakan simbol kedaulatan negara. Perkara ini merupakan salah satu sebab mengapa kerajaan Malaysia mengambil keputusan menarik balik keistimewaan yang diberikan kepada Tentera Udara Singapura menggunakan ruang udara negara. Walaupun demikian, kami berpendapat bahawa di dalam menghadapi alaf baru, perhatian harus dihalakan kepada sistem pertahanan perairan negara. Aspek pertahanan perairan ini, pada pendapat kami, merupakan aspek yang perlu ditekankan di dalam perancangan sistem pertahanan negara

Malaysia merupakan negara maritim dan mempunyai sempadan perairan yang luas dengan hampir semua negara ASEAN. Kawasan perairan negara meliputi Selat Melaka, Selat Singapura, Teluk Siam, Laut China Selatan dan Laut Sulu. Jaluran perairan Laut China Selatan, umpamanya, merupakan saluran pengaliran yang menghubungkan Timur dan Barat Malaysia. Sebarang ancaman dan gangguan jalur-jalur komunikasi tersebut akan memutuskan hubungan antara dua wilayah Malaysia yang dipisahkan oleh lautan ini. Ini boleh juga menjejaskan integriti sempadan komunikasi negara. Kehadiran jalur-jalur kabel dan serta kapal-kapal selam di kawasan tersebut menambahkan lagi peri pentingnya saluran tersebut kepada sistem pertahanan negara. UNCLOS (Undang-undang Antarabangsa dan Dasar Laut Konvensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Lautan 1982) membenarkan semua negara dunia yang mempunyai hak untuk memasang kabel dasar laut di dalam pelantar dunia dan Malaysia dengan cepat menerima pakainya demi pembangunan dan keselamatan nasional. UNCLOS telah memberikan Malaysia jangkauan zon yuridiksi maritim yang merangkumi 200 batu nautikal di dalam zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) termasuk juga perluasan teritori laut sejauh 12 batu nautika sebelum ini¹⁹.

Aspek pertahanan perairan sempadan berkait rapat dengan pemantauan sistem lalu lintas laut, komunikasi, kepentingan perdagangan serantau, dan pengurusan sumber alam negara yang mana dapat memberikan pulangan yang lumayan kepada sistem ekonomi. Contoh yang jelas ialah tentang pentingnya untuk mempertahankan saluran komunikasi antara Semenanjung Malaysia dengan

Sarawak. Projek Ampangan Hidro Bakun yang menelan belanja sebanyak 15 billion ringgit dijangka menyalurkan lebih kurang 2,400 megawatt kuasa elektrik sepanjang 650 kilometer merentasi Laut Cina Selatan dari Sarawak ke Semenanjung. Oleh yang demikian, jalur komunikasi ini menjadi semakin strategik untuk dipertahankan.

Zon Eksklusif Ekonomi Negara (EEZ) dan dataran Benua (*continental shelf*) boleh dipecahkan kepada dua kawasan yang berkepentingan:

1. Kawasan persisiran pantai yang kaya dengan minyak terutamanya di kawasan timur Semenanjung Malaysia. Ini merupakan platform negara masa kini dan masa hadapan di dalam merangka pembangunan Malaysia. Kehilangan atau gangguan kawasan-kawasan ini akan menjejaskan stabiliti ekonomi. Yang paling penting ialah kawasan lingkungan EEZ yang mempunyai sumber kepentingan yang strategik dari segi pengurusan sumber-sumber semula jadi dan kawasan saintifik maritim. Kawasan ini juga merupakan kawasan pertikaian serantau di mana beberapa negara cuba menuntut kedaulatan ke atasnya²⁰.
2. Kawasan terumbu yang mengandungi khazanah-khazanah laut negara juga merupakan nadi eko-keselamatan dan pembangunan negara. Ianya mesti dipelihara dan dilindungi kerana terdapat beberapa negara lain yang cuba menuntut kedaulatan terhadapnya. Kebimbangan wujud kerana terdapat tuntutan negara-negara serantau yang merangkumi kawasan persisiran gas asli di Sarawak. Di samping sumber-sumber petroleum, kawasan ini juga mengandungi kehidupan laut yang begitu pelbagai dan juga sumber protein untuk masa depan rakyat Malaysia dan ini menambahkan lagi keyakinan kita bahawa kawasan-kawasan ini perlu dipertahankan demi kepentingan strategik masa kini dan masa hadapan ekonomi dan keselamatan kita²¹.

Dari aspek pemantauan sistem laut, Malaysia terletak di persimpangan perdagangan dunia antara timur dan barat yang begitu strategik. Selat Melaka yang merangkumi jalan air berdekatan termasuk Selat Sunda, Lombok dan Makasar di mana merupakan satu kawasan strategik dari segi ekonomi dan keselamatan di dalam jalaran sistem perdagangan dunia. Selat Melaka merupakan

salah satu selat yang tersibuk dan terpenting di dunia. Jika sekiranya jalur perdagangan ini ditutup maka ianya akan menjejaskan ekonomi dan politik negara-negara di rantau ini. Terdapat beberapa kawasan takat kilat di Selat Melaka: tuntutan bertindih Malaysia dengan negara-negara ASEAN seperti Thailand, Singapura, Indonesia dan Filipina²². Selat Singapura pula merupakan jalan perdagangan dan perkapalan antara pantai barat dan pantai timur Semenanjung serta antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Laluan ini merupakan laluan penting kepada Angkatan Tentera Laut Malaysia di Lumut di dalam mengelakkan pencerobohan.

Manakala kawasan milik Malaysia di Laut China Selatan merupakan kawasan perairan yang luas selebar 648,000 batu nautika persegi yang merangkumi pantai-pantai dari kepulauan Taiwan, Filipina, Malaysia dan Indonesia. Kawasan ini dirangkumi juga oleh beberapa pulau-pulau kecil (*islets*), terumbu, batu-batuan laut (*rocks*) dan benting dan gosong (*sboals*) dan sebagaimana telah diketahui merupakan kawasan yang paling dipertikaikan. Di samping mempunyai simpanan minyak dan gas yang banyak, perairan Laut Cina Selatan merupakan satu kawasan yang paling strategik untuk mengawasi lalulintas perkapalan di antara Eropah dan Timur Jauh. Di bahagian utara Laut Cina Selatan terdapat Pratas Island dan Tambak Tenggelam Macclesfield (*Submerged Macclesfield Bank*) yang dituntut oleh Taiwan dan Republik Rakyat China²³. Kesemua kepulauan Paracel dituntut oleh Vietnam, Taiwan dan China. Bahagian selatan terdapat kepulauan Spratly yang dituntut sepenuhnya oleh China dan sebahagiannya oleh Taiwan, Vietnam, Filipina, Malaysia dan Brunei (sila lihat Lampiran B). Tuntutan oleh negara-negara tadi semuanya bertindih dan keenam-enam buah negara tersebut juga mendakwa mempunyai tuntutan yang sah di bawah UNCLOS yang telah dikuatkuasakan di dalam tahun 1994. Yang menariknya ialah tuntutan oleh China, Taiwan dan Vietnam bertindih dengan kawasan Natuna yang dipunyai oleh Indonesia. Secara keseluruhannya Laut China Selatan merupakan kawasan kepentingan Malaysia yang strategik di mana ianya mempunyai kepentingan geo-ekonomi dan pertahanan.

Masalah dan isu berkaitan dengan tuntutan bertindih di Laut Cina Selatan lebih serius lagi di antara Malaysia dan Indonesia di dalam isu tuntutan Sipadan dan Ligitan; dan tuntutan antara Malaysia dan Singapura di dalam isu Pulau Batu Putih. Perlu diambil perhatian bahawa EEZ negara berada di dalam perairan ini dan merupakan pusat pemeriksaan yang strategik (*strategic chokepoints*) di kawasan tersebut. Sekiranya konflik di perairan kepulauan Spratly meningkat ia

akan menjejaskan perjalanan perkapalan antarabangsa²⁴. Bagi Malaysia ini bukan sahaja merupakan satu gangguan malahan ancaman dari segi kepentingan ekonominya tetapi juga merupakan masalah mempertahankan pencerobohan sempadan dan maruah negara. Pelantar-pelantar minyak dan sumber-sumber kehidupan laut yang kaya merupakan sumber-sumber ekonomi yang penting kepada negara. Jika kawasan ini diancam, sedikit sebanyak ianya juga mengancam sistem ekonomi negara. Dari sudut strategik pertahanan negara, komunikasi laut (SLOC) dan udara akan terputus sekiranya EEZ diancam dan ditakluki oleh kuasa asing yang agresif. Jika sekiranya Sabah dan Sarawak terancam, penghantaran bantuan logistik dan ketenteraan juga akan tergendala.

MENGIMBANGI ORDE DAN KUASA SERANTAU DI DALAM KONTEKS PEMUAFKATAN ASEAN

Kedaulatan dan keamanan Malaysia juga bergantung kepada kestabilan serantau yang didokongi oleh negara-negara ASEAN. Keputusan Malaysia untuk menyertai ASEAN walaupun pada dasarnya untuk memupuk keharmonian ekonomi rantau merupakan juga langkah untuk memastikan keselamatan Asia Tenggara terjamin. Lebih-lebih pada waktu itu, semasa era Perang Dingin, rantau ini merupakan medan persengketaan antara kuasa-kuasa terbesar dunia: Amerika Syarikat dan Soviet Union. Walaupun Malaysia mempunyai Perjanjian Pertahanan Lima Kuasa (Australia, New Zealand, Singapura, Malaysia dan United Kingdom), kepimpinan Malaysia melihat konflik di rantau Asia Tenggara perlu diselesaikan dengan kerjasama negara-negara serantau dan bukannya dengan campur tangan luar.

Walaupun Perang Dingin telah berakhir, Malaysia masih lagi yakin bahawa keselamatannya terletak kepada kestabilan dan pemuafakatan serantau melalui ASEAN. Malah ASEAN telah membuka keanggotannya kepada negara-negara sosialis. Ini telah menunjukkan bahawa ideologi bukanlah penghalang kepada program kerjasama serantau. Kemasukan Vietnam, Laos, dan Myanmar merupakan contoh yang nyata dan ASEAN berharap Cambodia dapat menyertainya untuk melengkapkan ASEAN-10. Kestabilan Asia Tenggara adalah penting kerana Malaysia melihat sebarang perubahan pergolakkan di rantau ini mempunyai kaitan rapat dengan kestabilannya sendiri. Dengan kata lain jika keselamatan serantau goyah maka keselamatan negara juga akan turut terjejas. Lokasinya yang begitu strategik di mana Malaysia bersempadan dengan hampir setiap negara-negara ASEAN perlu dilihat dari perspektif di mana jika berlaku sebarang

pencabulan atau pergolakan di negara jiran, ianya akan melimpah ke negara ini. Contoh yang nyata ialah apabila Indonesia dilanda rusuhan kaum pada 12 Mei, 1998. Kebimbangan juga wujud di mana ianya juga akan menjejaskan keselamatan negara Malaysia dari segi kebanjiran pendatang tanpa izin dan pelarian dari negara jiran secara besar-besaran.

Walaupun ada pergeseran akibat dari masalah kepentingan negara masing-masing, pada keseluruhannya ASEAN telah berjaya mencapai beberapa kejayaan bersama di dalam bidang politik, ekonomi dan budaya. Persefahaman serantau ini telah mengwujudkan dan mengakibatkan kepada semangat kerjasama antara negara-negara ASEAN di dalam semua bentuk perhubungan. Kestabilan ini amat berguna kepada Malaysia demi menjamin kelangsungan hidupnya dan keselamatan sosio-ekonomi, politik dan sistem pertahanannya. Dengan menekankan unsur-unsur tidak campur tangan urusan negara terbabit, polisi penglibatan membina (*constructive engagement*) dan polisi dasar perdagangan bebas (*trade liberalisation*), konflik antara negara ASEAN dapat diminimumkan²⁵.

Tetapi apabila kita membicarakan keselamatan rantau dan kesannya kepada keselamatan negara, kita tidak dapat lari dari membicarakan peranan yang dimainkan oleh kuasa-kuasa serantau seperti China, India, Jepun, Korea dan kuasa-kuasa terbesar seperti Rusia dan Amerika Syarikat yang mempunyai kepentingan sendiri di rantau ini. Beberapa perkara perlu diberi penekanan yang serius di dalam membincangkan peranan mereka ini. Yang penting ialah keinginan China untuk menjurus kepada arah kuasa terbesar dunia melalui program-program yang dipelopori oleh Xiaoping dan kesannya kepada kestabilan rantau. Ini termasuk tuntutan kepada kawasan Laut China Selatan yang dikenalnya sebagai Laut Biru. Semenjak zaman Perang Dingin, China selalu dilihat sebagai satu kuasa yang berpotensi untuk mengganggu kestabilan di Asia Tenggara. Sikap kerajaan komunis China yang terang-terang menyokong pergerakan komunis Asia Tenggara khususnya CPM menimbulkan rasa tidak senang dan kesangsian Malaysia terhadap sikap China. Dengan berundurnya Soviet Union dan lenyapnya ancamannya dari rantau ini, China dilihat berupaya membina satu polisi *bona fide* di mana menimbulkan kebimbangan negara-negara serantau termasuklah kuasa berpengaruh dan terbesar, Amerika Syarikat.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kekuatan dan pengaruh China di rantau ini semakin bertambah. Semenjak awal tahun 1980an, kadar pertumbuhan ekonominya telah melangkaui 10 peratus setiap tahun. Di waktu yang sama,

China telah memperhebatkan program ketenteraan di mana menyaksikan pertumbuhan berganda China di dalam pembiayaan senjata dan projek pemodenan pertahanannya²⁶.

Tetapi sesetengah berpendapat bahawa negara Asia khususnya Malaysia tidak seharusnya menjauhkan diri dan mempunyai sikap yang prejudis terhadap China. Sebaliknya kita seharusnya belajar untuk menerima kehadiran China sebagai cukup penting kepada kestabilan dan kemakmuran serantau²⁷. Di sinilah polisi penglibatan membina (*constructive engagement*) penting untuk menarik China dalam sistem politik dan ekonomi serantau. China nampaknya menunjukkan reaksi yang positif dan komited untuk sama-sama membangun terutamanya dari segi ekonomi, dengan rakan-rakan di Asia Tenggara dan Asia Timur. Perkembangan positif ini haruslah dimunafaatkan sepenuhnya oleh ASEAN. Malaysia dan ASEAN mengakui tentang pentingnya membawa China untuk bersama membina kemakmuran serantau²⁸. Di samping memastikan bahawa sikap keterbukaan China sekarang adalah untuk memakmurkan ekonomi dan politiknya, ianya tidak secara langsung mencernakan kestabilan serantau. China merupakan rakan dialog ASEAN di dalam Forum Serantau ASEAN (*ASEAN Regional Forum*) atau ARF di samping kerjasama Sino-ASEAN yang juga telah dipertingkatkan dengan kewujudan mekanisma dialog antaranya Jawatankuasa ASEAN-Beijing (*ASEAN-Beijing Committee*), Majlis Kerjasama China-ASEAN (*China-ASEAN Joint Cooperative Council*), dan Jawatankuasa Kerjasama Bersama China-ASEAN (*China-ASEAN Joint Cooperative Council*), dan Jawatankuasa Kerjasama Sains dan Teknologi China-ASEAN (*China-ASEAN Science and Technological Committee*), dan Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan China-ASEAN (*China-ASEAN Joint Committee of Economic and Trade Cooperation*)²⁹.

Pergolakan di semenanjung Korea merupakan juga satu faktor yang boleh membawa kepada ketidakstabilan rantau ini dan ianya perlu dibendung. Masalah Korea Utara yang mempunyai senjata nukler harus dipandang berat lebih-lebih lagi dengan komitment ASEAN terhadap pengwujudan Zon Bebas Senjata-senjata Nuklear Asia Tenggara (*Southeast Asia Nuclear Weapons Free Zone*). Tindakan-tindakan provokatif Korea Utara memang membimbangkan negara-negara ASEAN terutamanya apabila Korea Utara melancarkan ujian peluru berpandu jenis *Taepo Dong* yang berkemampuan mencecah sasaran sejauh 2,000 kilomenter. Seoul dan Tokyo sebagai jiran yang terdekat sudah bersiap sedia menghadapi sebarang

kemungkinan. Penglibatan membina China dalam hal ini adalah penting untuk memujuk Korea Utara membatalkan program nuklearnya.

Dua lagi kuasa yang perlu diberi perhatian di dalam menganalisis prospek keselamatan dan orde Asia Tenggara ialah India dan Jepun. Kebanyakan negara Asia Tenggara terutamanya Malaysia mahu melihat Jepun memainkan peranan yang proaktif di dalam merangka prospek politik dan strategi Asia Timur³⁰. Malangnya, Jepun sukar menerima peranan tersebut oleh kerana faktor politik dalamannya dan limitasi perlembagaannya yang menghalangnya bergerak secara aktif di dalam aspek keselamatan serantau. Walaupun Jepun merupakan satu kuasa ekonomi dunia yang utama, tindak tanduk hubungan luarnya masih lagi dibayangi oleh hubungan dua halanya dengan Amerika Syarikat³¹. Ini dapat dilihat bilamana rantau Asia Tenggara dan Asia Timur dilanda konflik ekonomi pada pertengahan tahun 1997 akibat serangan spekulator matawang. Jepun pada mulanya bersedia menyediakan tabung kecemasan Asia yang menyerupai Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*) atau IMF sebanyak USD100 bilion kepada negara-negara yang terjejas. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat membantah kerana percaya krisis tersebut tidak akan selesai kerana bantuan tabung Jepun tidak mengenakan syarat-syarat yang ketat kepada negara-negara peminjam. Amerika Syarikat percaya bahawa dengan menggunakan tabung IMF, negara-negara Asia yang terjejas akibat krisis ekonomi tersebut dapat "diajar" menjadi lebih telus (*transparence*) dan kebertanggungjawab (*accountable*)³². Akhirnya Jepun terpaksa mengalah dengan mengumumkan pakej bantuan ekonomi "dengan kerjasama" Amerika Syarikat yang bernilai USD30 billion.³³

India pula dilihat sebagai kuasa serantau yang senyap (*the silent regional power*) di Asia Tenggara³⁴. India adalah merupakan salah satu rakan dialog ASEAN di dalam Forum Serantau ASEAN (*ASEAN Regional Forum*) atau ARF. Keanggotannya di dalam ARF telah menunjukkan bahawa negara ASEAN mengakui tentang pengaruh dan kewibawaan India sebagai satu kuasa serantau yang utama. Pelancaran ujian nuklear oleh India dan Pakistan membimbangkan negara-negara ASEAN kerana walaupun ianya melibatkan konflik di Asia Selatan, kesannya dijangka akan dirasakan oleh rantau Asia Tenggara dari segiimbangan kuasa politik negara-negara serantau³⁵. China terutamanya melihat perkembangan tersebut sebagai ancaman tidak langsung India kepadanya. Ketegangan hubungan antara India-China telah lama berlaku. Kesediaan India memberikan suaka politik kepada Dalai Lama dan pengikut-pengikutnya tidak disenangi oleh China malah

konflik sempadan antara kedua-dua negara masih lagi menjadi isu duri dalam daging antara kedua-dua negara.

RUMUSAN

Konflik tidak akan berakhir kerana ancaman-ancaman baru akan muncul dengan wajah baru dari sudut yang di luar dugaan. Di dalam zaman teknologi maklumat (*information technology*) atau IT ini telah timbul kebimbangan pihak kerajaan Malaysia tentang prospek ancamannya kepada keselamatan negara. Terdapat juga perdebatan di kalangan sarjana bahawa di era pasca-Perang Dingin ini kita perlu menginterpretasikan semula konsep keselamatan. Masalah ekologi dunia, penyeludupan dadah, penyerangan spekulasi asing kepada ekonomi dan matawang sesebuah negara sekarang dilihat sebagai punca-punca bukan tradisi konflik dunia. Persoalan yang timbul ialah kepada siapakah ancaman tersebut ditujukan dan dari sudut manakah kita melihat ancaman tersebut? Seperti yang kami bincangkan di dalam artikel ini, kita tidak dapat lari dari membincangkan aspek keselamatan negara dari kaca mata pemerintah kerana kestabilan sistem pemerintahan menentukan kestabilan sosio-politik negara dan seterusnya menjamin bahawa negara tidak diancam dari campur tangan luar. Oleh yang demikian, keselamatan sesebuah negara juga bergantung rapat kepada keberkesanan sistem pemerintahan. Perkara ini merupakan masalah paling ketara di negara-negara membangun. Sistem pemerintahan yang diwujudkan hasil legasi kolonial tanpa memikirkan aplikasi tempatan telah menyaksikan sistem pemerintahan negara-negara membangun masih lagi rapuh.

Malaysia juga tidak dapat lari dari kenyataan tersebut. Walaupun sistem berkerajaan nampaknya kukuh namun realitinya ianya masih lagi bergantung kepada keberkesanan dan kestabilan sistem politik perkauman serta keupayaan politik Melayu untuk terus menerajui sistem politik Malaysia. Politik Melayu adalah tunjang kepada orde dalaman Malaysia. Walaupun begitu, aspek lain seperti pertahanan sempadan dan kestabilan rantau perlu juga diambil kira. Bentuk geografi kita yang dikelilingi oleh lautan, jika tidak dipagari dengan sistem dan polisi pertahanan yang kukuh akan menjemput anasir luar manakluki kita. Adalah perlu jalur sempadan dan komunikasi dipertahankan demi menjamin kelangsungan hidup Malaysia. Akhirnya kestabilan dan keselamatan negara kita juga bergantung kepada suasana harmoni rantau Asia Tenggara. Jika rantau ini bergolak, maka ianya dengan secara langsung akan mengancam

keselamatan Malaysia juga. Apa yang perlu dilakukan oleh Malaysia ialah dengan turut sama di dalam mencari jalan ke arah kestabilan Asia Tenggara di dalam konteks musyawarah ASEAN.

NOTA

- 1 Deraf awal artikel ini telah dibentangkan di Seminar Tahunan FSJK Ketiga, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 18 Ogos 1998. Pihak penulis ingin merakamkan penghargaan kepada mereka yang memberikan pandangan dan kritikan pada deraf awal tersebut.
- 2 Wolfers, A. 1962. *Discord and Collaboration*. Baltimore: John Hopkins Press.
- 3 *National security* di dalam bahasa Melayu ialah keselamatan nasional dan bukannya keselamatan negara. Ini ialah kerana terdapat satu lagi konsep yakni konsep *state security* yang jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu bermaksud keselamatan negeri/negara. *National security* dan *state security*, pada amnya, adalah konsep yang berbeza. *State security* merujuk kepada keselamatan yang melibatkan kerajaan yang memerintah, manakala *national security* pula merujuk kepada kelangsungan sistem keselamatan dan kelangsungan hidup sesebuah negara yang mana merangkumi sistem kerajaan, sistem politik, sistem ekonomi, sosial, bangsa dan sebagainya. Bagi tujuan penjelasan di dalam artikel ini, kami merujuk keselamatan negara sebagai *national security* dan *state security* sebagai keselamatan rejim (yang memerintah).
- 4 Waltz, K. 1979. *Theory of International Relations*. Reading, MA: MIT Press.
- 5 Trager, F.N. dan Simonie, E.L. 1973. "An Introduction to the Study of National Security." Di dalam *National Security and American Society; Theory, Process, and Policy*, pnyt. Frank N. Trager dan Philip S. Kronenberg. Lawrence, KS.: University Press of Kansas.
- 6 Al-Mashat, A.M. 1985. *National Security in the Third World*. Boulder & London: Westview Press.
- 7 Takrif dan makna Dunia Ketiga mempunyai intonasi politik yang mana dicipta sewaktu Perang Dingin dahulu. Negara-negara kapitalis Eropah dan Amerika Utara yakni negara maju dikategorikan sebagai negara Dunia Pertama manakala negara-negara komunis sebagai Dunia Kedua. Ini menyebabkan negara-negara di Asia, Afrika dan Latin Amerika yang kebanyakannya belum merdeka ketika itu dikategorikan sebagai negara Dunia Ketiga. Agak sukar dijelaskan mengapa para sarjana terutamanya sarjana barat masih menggunakan istilah yang sama di dalam zaman pasca Perang Dingin. Adakah kategori ini didasarkan kepada pembangunan ekonomi yang mana ini, kami berpendapat, sukar diterima kerana kebanyakan negara yang dikenali sebagai negara Dunia Ketiga seperti Singapura dan Korea Selatan adalah setanding malah lebih maju sistem ekonominya dengan negara yang dikatakan maju seperti Portugal ataupun

- Sepanyol. Untuk diskusi lebih lanjut, sila lihat Clapham, C. 1992. *The Third World Politics: An Introduction*. London: Routledge.
- 8 Sila lihat Buzan, Barry. 1988. "People, State, and Fear: The National Security in the Third World." Di dalam *National Security in the Third World: The Management of Internal and External Threats*, pnyt. Edward E. Azar and Moon, Chung-in. Aldershot, Hants UK: Edward Elgar Publishing Limited for Center for International Development and Conflict Management, University of Maryland; Alagappa, M. 1987. *The National Security of Developing Countries: Lessons from Thailand*. Dover, MA: Auburn House; Al-Mashat, A.M. 1985. *National Security*; Ayooob 1995. *The Third World Security Predicament: State Making, Regional Conflict, and International System*. Boulder & London: Lynne Reinner Publishers, dan tahun 1986. "Regional Security and the Third World." Di dalam *Regional Security in the Third World: Case Studies from Southeast Asia and the Middle East*, pnyt. Mohammed Ayooob. London & Sydney: Croom Helm; Azar E. dan Moon. C. 1988. "Introduction." Di dalam *National Security in the Third World: The Management of Internal and External Threats*, pnyt. Edward E. Azar dan Chung-in Moon. Aldershot, Hants UK: Edward Elgar Publishing Limited for Center of International Development and Conflict Management, University of Maryland; Thomas, C. 1996. "Third World Security." Di dalam *International Security in Modern World*, pnyt. Roger Carey dan Trevor C. Salmon. Basingstoke: Macmillan Press and New York: St. Martin Press, juga di dalam 1989. "Third World Security and Western Concept; On an Unhappy Marriage and the Need for a Divorce." Di dalam *The State and Instability in the South*, pnyt. Caroline Thomas dan P. Saravanamuttu. London: Macmillan Press, dan di dalam 1987. *In Search of Security. the Third World in International Relations*. Boulder, CO: Reinner.
- 9 Sila lihat karya sarjana tentang konsep Keselamatan Negara seperti Trager, F.N. dan Simonie, E.L. 1973. "An Introduction to the Study of National Security." Di dalam *National Security and American Society; Theory, Process, and Policy*, pnyt. Frank N. Trager dan Philip S. Kronenberg. Lawrence, KS.: University Press of Kansas; Louw, M.H.H. 1978. "Introduction to the National Security Concept". Di dalam *National Security: A Modern Approach, Papers Presented at the Symposium on National Security Held at Pretoria, March 31 - April, 1977*, pnyt. Michele H.H. Louw. Pretoria: Institute of Strategic Studies, University of Pretoria, South Africa; Mangold, P. 1990. *National Security and International Relations*. London & New York: Routledge; Matthews, J.T. 1989. "Redefining Security." *Foreign Affairs*. 68: 162-77; Ullman, R.H. 1983. "Redefining Security." *International Security*. 8: 129-53. Di dalam Baldwin, D.A. 1997.

- "The Concept of National Security." *Review of International Studies*. 23: 5-26, beliau cuba menghuraikan konsep Keselamatan Negara di antara pendapat normatif dan empirik.
- 10 Lihat Che Md Noor Mat Arshad. 1995. "The Military Dimensions of National Security". *Strategi*. Volum 3: 1-7.
 - 11 Thomas, C. 1989. *In Search of Security: The Third World in International Relations*. Boulder: CO.: Rienner.
 - 12 Azar and Moon 1988, "Introduction".
 - 13 Buzan, op. cit.
 - 14 Sila lihat Shamsul A.B. 1988. "The Battle of Royal: The UMNO Elections of 1987". Dalam *The Southeast Asian Affairs 1988*. Singapore: ISEAS.
 - 15 Thomas, C. 1996. *International Security...*, dan Buzan, op. cit.
 - 16 Sila lihat Kamarulnizam Abdullah-Bukhari. *Socio-political Impacts of Dakwah Movements in Malaysia: Questions of Malay unity and National Security*, unpub. Ph.D. Thesis, Lancaster University. 1998.
 - 17 Untuk isu Al-Arqam, sila lihat Sharifah Zaleha binti Syed Hassan. 1994/95. "Beyond Orthodoxy: Religious Reforms and Legitimacy in Malaysia". *Ilmu Masyarakat*. 25: 85-108.
 - 18 Aspek pertahanan sempadan negara telah ditekankan oleh Kementerian Pertahanan melalui buku rasminya bertajuk *Malaysia Defence: Towards Defence Self-reliance* (1998?). Sila lihat terutamanya bab mengenai Polisi Pertahanan Nasional.
 - 19 Juita Ramli. 1997. "Malaysia and the Law of the Seas: A Harvest of Riches." *The MIMA Bulletin*, 4(1):
 - 20 Untuk keterangan lanjut sila lihat Simon, Sheldon W. 1990. "Regional Issues in Southeast Asian Security, ms. 11-14; lihat juga Chang Pao-min. 1990. "A New Scramble for the South China Sea Islands". *Contemporary Southeast Asia*. 12:1.
 - 21 Coulter, D. Y. 1996. "South China Sea Fisheries: Countdown to Calamity". *Contemporary Southeast Asia*. 17(4): 371-388. Juga di dalam *Review of Malaysia Defence Policy* (Kementerian Pertahanan Malaysia), Tidak bertarikh.
 - 22 Leng, L.Y. 1989. "The Malaysian-Philippine Maritime Dispute". *Contemporary Southeast Asia*. 11(1):61-74.
 - 23 Kurus, B. 1995. "The ASEAN Triad: National Interest, Consensus-Seeking, and Economic Cooperation". *Contemporary Southeast Asia*. 16(4): 404-420.
 - 24 Sila lihat Noevr, John N. 1996. "Southeast Asia Chockpoints: Keeping Sea Lines of Communication Open". *Strategic Forum*. Disember 98.


- 25 Hull, R.E. 1996. "The South China Sea: Future Source of Prosperity or Conflict in Southeast Asia." *Strategic Forum*. 60 (February).
- 26 Sila lihat *Economist*, 24-30 October, 1998, ms. 19-22; Morrison, Charles E. (pnyt) 1998. *Asia-Pacific Security Outlook 1998*. Tokyo: An APAP Project and Japan Center for International Exchange, ms. 46-47; dan Farrel, Martin F. 1997. "Global Power or East Asian Tinderbox? China in the post-Deng, post-Cold War Era." Di dalam *The Rise of East Asia: Critical Visions of the Pacific Century*, disunting oleh Mark T. Berger dan D. Borer. London: Routledge.
- 27 Sila lihat artikel "Pentingnya Bersahabat dengan China", MASSA (1-18 September, 1998), ms. 22-45. Juga lihat Segal, G. 1996. "East Asia and the "Containment" of China". *International Security*. 20:4.
- 28 Sila lihat Yong Deng. 1998. "Managing China's Hegemony Ascension: Engagement from Southeast Asia." *The Journal of Strategic Studies*. 21(1): 21-43; Shambaugh, David. 1996. "Containment or Engagement of China: Calculating Beijing's Responses." *Journal of International Security*. September; dan juga Cronin, A. K dan Cronin, M.P. 1996. "China: Realistic Engagement." *The Washington Quarterly*. Winter.
- 29 Yong Deng. ms. 24.
- 30 Untuk perbincangan yang mendalam mengenai peranan dan kepentingan Jepun di Asia Tenggara sila lihat Ong, Russell C.M. 1997. "Japan and China: Security Interest in the post-Cold War Era." *East Asia Studies*. Spring/ Summer; Berger, M.T dan Borer, D. 1997. *The Rise of East Asia*; Matsumaga, N. 1995. "The Role of Japan in the Changing World" *Strategic Analysis*. XVII:12; dan Jeshurun, C. 1993 (pnyt.) *China, India, Japan and the Security of Southeast Asia*. Singapore: ISEAS.
- 31 Mengenai hubungan dua hala Amerika Syarikat dan Jepun sila lihat Bojiang, Y. 1996. "Why US/Japan joint Declaration on Security Alliance?" *Contemporary International Relations*. 6:5; dan Shiina, M. 1995. "Peace in East Asia: Investing in the Future." *Japan Review of International Affairs*. Summer, ms 220-223.
- 32 Keterangan lanjut mengenai krisis mutakhir ekonomi yang dialami oleh Jepun, sila lihat *Far Eastern Economic Review*, 16 April, 1998, ms. 10-15 dan 2 July, 1998 ms. 18.
- 33 *Asiaweek*, November 27, 1998, ms. 27.
- 34 Sila lihat Hoffmann, S.A. 1998. "The International Politics of Southern Asia" *Journal of Asian and African Studies*. XXXIII:1; dan Ganguly, S. 1996. "Uncertain India" *Current History*. 95:600 dan juga artikelnya bertajuk "Future Uncertain: Indian Security Policy Approaches the Millenium" *Journal of Inter-*

national Security. Summer 1997. 51: 1; dan juga Jeshurun, C. (pnyt.) 1993. *China, India, Japan....*

- 35 Untuk perkembangan mengenai krisis nuklear antara India dan Pakistan sila lihat *The Economist*, 28 Mac, 1998, ms. 18; *Asiaweek*, 12 Jun 1998, ms. 22-23; *Armed Forces Journal*. September 1998. Ms. 28-30.

Southeast Asian Sea Lines of Communication

Source: CIA Map 802085



LAMPIRAN A

